



BARISAN fasilitator dan peserta Kursus Kenegaraan-Program Transformasi Baktisiswa 2011.

UMS, Ikatan anjur Kursus Kenegaraan Perkongasian pintar

Oleh WILLIE JUDE JUNAJDI
wjudeub@gmail.com

45 12.01.2012 B1
DALAM usaha menyempurnakan tugas subjek Dinamika di bawah naungan Prof Madya Dr Baharom Mohamad, pada 29 hingga 31 Disember lalu para pelajar Pascasiswazah (Pengurusan Pendidikan) ambilan 2011/2012, Sekolah Pendidikan Pembangunan Sosial Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Pertubuhan Pembina Generasi Sabah (Ikatan) telah mengadakan Kursus Kenegaraan-Program Transformasi Baktisiswa yang telah diadakan di Kem Bina Negara Kundasang, Sabah.

Program berkenaan telah melibatkan pelajar pasca siswazah itu sendiri, pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) Tawau serta turut melibatkan peserta daripada Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Objektif utamanya ialah



(Gambar atas) TAKLIMAT Program Transformasi Baktisiswa yang disampaikan oleh fasilitator yang bertugas.

(Gambar bawah) ANTARA aktiviti yang dijalankan semasa program ini dijalankan.



(Gambar kanan) PENASIHAT Program Transformasi Baktisiswa, Prof Madya Dr Baharom Mohamad (tiga dari kiri) dan Pengarah BTN, Datuk Ibrahim Saad (empat dari kiri) bersama peserta-peserta BTN.



(Gambar bawah) CENDERAHATI disampaikan oleh Prof Madya Dr Baharom Mohamad (tengah) kepada Ibrahim sambil diperhatikan oleh Pengarah Program Transformasi Baktisiswa 2011.



untuk mewujudkan satu perkongsian di kalangan belia dan beliawanis serta penjawat awam agar menerapkan nilai-nilai murni di dalam diri setiap individu secara keseluruhan.

Program-program berkenaan juga telah berjaya mencapai matlamatnya apabila tentatif program yang dirancang telah berjalan dengan lancar.

Antara aktiviti yang dijalankan ketika program diadakan adalah seperti latihan dalam kumpulan, perbincangan mengenai kenegaraan, kawad kaki, kembara malam, serta ceramah dari pihak Biro Tatanegara Negeri (BTN) sendiri. Dalam

perkembangan lain, pengisian yang paling manis adalah apabila pihak pengurusan (Pelajar Pascasiswazah UMS) mampu membawa Pengarah Biro Tatanegara Negeri Sabah iaitu Datuk Ibrahim Saad bagi mengisi slot Ceramah 1 dan juga sesi Tazkirah Maghrib pada 29 Disember.

Pengisian yang dijalankan oleh Ikatan sesungguhnya sangat diperlukan untuk memangkin generasi berfikiran kelas pertama pada alaf ini.

Ikatan merupakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan pada 12 Ogos 2011. Sungguhpun Ikatan merupakan satu pertubuhan NGO yang baru tetapi pengalaman mereka dalam mengendalikan program dan aktiviti sedemikian tidak boleh dinafikan.

Sesungguhnya, kerjasama padu di antara

BTN, Ikatan dan pelajar Pascasiswazah (Pengurusan Pendidikan) UMS boleh dijadikan satu titik tolak ke arah pelestarian pendidikan menerusi program-program seumpama itu.

Program sedemikian wajar dilaksanakan dalam usaha kerajaan untuk memupuk nilai-nilai murni di kalangan rakyat Malaysia pada hari ini.

Penyemaian budaya permuafakatan dan silaturahim di kalangan peserta jelas menunjukkan program tiga hari dua malam ini sedikit sebanyak telah memberikan impak yang positif dalam diri mereka.

Perasmian penutupan telah disempurnakan oleh Pengerusi Ikatan, Norhasdi Hassan, pada hari terakhir program itu berlangsung.

Usaha pelajar-pelajar Pascasiswazah (Pengurusan Pendidikan) 2011/2012 dengan kerjasama Ikatan mengadakan program seperti itu harus terus dilaksanakan agar negara dapat melahirkan generasi yang beretika, berilmu serta mapan sekali gus membenarkan negara bersaing dengan negara-negara gergasi dunia yang lain.

Sesungguhnya, "Mahasiswa Menyahut Seruan Kerajaan Ke Arah Transformasi".